



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 12 Mei 2023

DISEDIAKAN OLEH :
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

KPKM kekalkan formula pembahagian subsidi ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	10

KPKM kekalkan formula pembahagian subsidi ayam

SERDANG - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan meneruskan formula pembahagian subsidi sedia ada kepada penternak ayam daging dan syarikat pembekal pada nisbah 10 sen dan 70 sen.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penternak ayam dan syarikat pembekal perlu berbincang antara mereka mengenai agihan subsidi 80 sen yang diberikan kerajaan bagi mengatasi kenaikan kos pengeluaran ayam dan telur kerana kerajaan tidak campur tangan dalam rundingan perjanjian pembahagian subsidi itu.

"Kita masih lagi berpegang dengan apa yang dilaksanakan sebelum ini sejak setahun lebih, kita berpegang kepada 10 sen (bagi penternak) dan 70 sen (bagi syarikat pembekal).

"Pada pandangan Kementerian, urusan itu adalah *business-to-business*, ertinya antara syarikat pembekal dan penternak. Semasa mereka berurusan, kerajaan tidak terlibat jadi sepatutnya itu persetujuan antara mereka," katanya kepada media pada



Mohamad (dua dari kiri) melayan tetamu sempena majlis perhimpunan dan ramah mesra bersama warga kementerian itu sempena Aidilfitri 2023 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) pada Khamis.

majlis ramah mesra menteri bersama warga KPKM di sini pada Khamis.

Beliau berkata, perlu ada rundingan antara syarikat pembekal dan penternak untuk mendapat perkongsian keuntungan yang betul namun setakat ini Kementerian berpandangan kadar sedia ada akan dikekalkan.

Laporan yang disiarkan media tempatan menyatakan Persatuan Penternak Ayam Selangor mahu kerajaan mempertimbangkan pembahagian subsidi kepada

penternak ayam daging dan syarikat pembekal dengan nisbah 50:50 kerana mendakwa ada penternak ayam gulung tikar kerana tidak mampu menanggung kos operasi yang semakin meningkat.

Pada 27 Februari lepas, kerajaan memutuskan untuk meneruskan penyediaan subsidi pada kadar 80 sen sekilogram bagi ayam dan lapan sen sebiji bagi telur sehingga Jun 2023 melibatkan kos sebanyak RM1.28 bilion.
- Bernama

Kes serangan anjing liar ke atas haiwan ternakan meningkat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar harian	Negeri	26

Kes serangan anjing liar ke atas haiwan ternakan meningkat

KUALA TERENGGANU - Kerajaan negeri akan mengambil tindakan bersepadu dalam masa terdekat susulan peningkatan kes melibatkan kematian haiwan ternakan akibat serangan anjing liar di negeri ini.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, situasi itu dilihat serius berdasarkan aduan langsung yang diterima daripada rakyat.

"Beberapa aduan melibatkan kematian haiwan ternakan akibat serangan an-

jing liar menunjukkan bahawa isu ini agak serius.

"Jadi, kita bersama pihak bertanggungjawab akan mengambil tindakan segera yang bersesuaian untuk operasi memindahkan anjing-anjing liar ini," katanya ketika ditemui di sini pada Khamis.

Azman berkata, operasi itu akan melibatkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Beliau memberitahu, perkara itu akan diteliti memandangkan anjing tidak termasuk di bawah kategori hidupan liar dan lebih kepada bidang kuasa PBT.

"Anjing liar ini mungkin asalnya ada tuan untuk tujuan tertentu untuk jaga kebun dan sebagainya dan ia akan berkeliaran di merata-rata setelah ditinggalkan begitu sahaja.

"Di Dewan Undangan Negeri (DUN) Jabi sahaja setakat ini sudah berbelas ekor kambing yang mati dan menjadi mangsa anjing liar ini," ujarnya.

Jelas Azman, anjing-anjing liar itu bertindak menyerang haiwan ternakan sama ada yang berada di dalam kandang atau yang berada di merata-rata tempat.

"Terdapat juga kes yang mengorbankan belasan atau puluhan ekor haiwan ternakan yang mati sama ada berada dalam kandang atau di luar kandang," katanya.



Gambar daripada media sosial Dr Azman menunjukkan beberapa haiwan ternakan yang mati akibat serangan anjing liar.

Anjing liar meresahkan penduduk

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Forum	19



PENDUDUK Taman Pusing Delima, Batu Gajah, Perak risau jika anjing-anjing berkeliaran bertindak mengancam keselamatan mereka selain meninggalkan najis dan menyebarkan wabak penyakit.

Anjing liar meresahkan penduduk

SAUDARA PENGARANG,

SAYA merupakan salah seorang penduduk di Taman Pusing Delima, Batu Gajah, Perak kini berdepan masalah anjing-anjing liar sehingga menyebabkan ketakutan dalam kalangan kami.

Kumpulan anjing yang berkeliaran mula menimbulkan rasa kurang senang penduduk setempat. Kami risau jika anjing-anjing ini bertindak mengancam keselamatan penduduk (serangan anjing), meninggalkan kesan najis dan menyebarkan wabak penyakit seperti anjing gila (rabies).

Beberapa penduduk difahamkan sudah beberapa kali membuat aduan berkenaan isu ini, namun tidak mendapat apa-apa respons daripada pihak berwajib. Mungkin kerana tidak sampai lima peratus penduduk sahaja mengadu masalah ini. Justeru, isu ini dianggap biasa dan kurang serius oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), iaitu Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG).

Difahamkan ada dalam kalangan penduduk di sini memberi makan kepada anjing-anjing itu liar sehingga menyebabkan bilangan haiwan tersebut makin bertambah.

Sehubungan itu, saya berharap ada tindakan segera daripada PBT kerana kedatangan anjing liar mengganggu ketenteraman penduduk selain bahaya untuk kanak-kanak.

Sehingga kini masih tiada lagi kes penduduk cedera dikejar atau digigit anjing. Adakah PBT mahu tunggu ada kes baharu nak ambil tindakan serius?

Justeru, MDBG perlu mengambil tindakan segera kerana makin lama dibiarkan dikhuatiri boleh menyebabkan bilangan anjing ini bertambah.

Saya juga amat berharap PBT melakukan tindakan susulan sama ada menangkap ataupun membasmi kewujudan anjing liar, sekali gus menghilangkan keresahan penduduk taman ini.

PENDUDUK RISAU
Batu Gajah, Perak

No govt intervention in egg subsidy talk between breeders and producers

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
The Star	Nation	7



Looks delicious: Mohamad (second from left) helping himself to satay at his ministry's Hari Raya open house at the Malaysian Agro Exposition Park in Serdang. — Bernama

No govt intervention in egg subsidy talks between breeders and producers

By MAHADHIR MONIHULDIN
mahadhir@thestar.com.my

SERDANG: The government will not involve itself in any negotiations between chicken breeders and egg producers about how to divide the egg subsidies, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said that RM1.28bil in subsidies had been allocated for chicken eggs at a rate of 80 sen each.

"The division of the 80 sen subsidy per egg should be agreed to between the breeders and producers themselves.

"The government will not be involved and will stick with the current subsidy division of 10 sen for chicken breeders and 70 sen for egg producers," he said during his ministry's Hari Raya event at Malaysian Agro Exposition Park here yesterday.

On Tuesday, Mohamad said that chicken farmers would be able to claim their subsidy for chicken eggs once the government's online system was fine-tuned.

He added that this would allow farmers to submit their applications online.

On Feb 22, the minister said

prices of chicken and eggs were expected to be floated after June as part of the government's efforts to overcome any food shortage.

On another matter, Mohamad has urged farmers and fishermen to be cautious and look after themselves when working during the current hot weather.

"The current heatwave should not be taken lightly after the death of the 11-year-old child in Kelantan was reported recently," he said.

"Farmers and fishermen are advised to drink lots of water before going out to work."